

Subsidi bersasar jangan sampai tersasar

HARI ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail akan mengumumkan program subsidi bersasar bagi minyak petrol RON95.

Belanjawan 2019 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, pada November tahun lalu menyatakan pemilik kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan motosikal 125cc akan menikmati subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter.

Menerusi mekanisme subsidi itu, pemilik kereta akan menerima subsidi petrol RON95 terhadap kepada 100 liter bagi pemilik kereta dan 40 liter bagi motosikal.

Sudah tentu pengumuman itu amat dinanti oleh rakyat kerana subsidi yang bakal diterima itu, walaupun kecil nilainya, namun ia tetap subsidi dan diharapkan dapat mengurangkan beban kos sara hidup.

Penerima ialah mereka dalam senarai penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang memiliki kenderaan berdaftar dan terdapat kira-kira dua juta orang layak menerima subsidi berkenaan.

Program subsidi petrol bersasar itu juga akan dibayar secara tunai terus ke dalam akaun bank penerima yang layak, bukan menggunakan kad subsidi seperti yang dikatakan sebelum ini.

Program yang sepatutnya diumumkan Julai tahun ini terpaksa ditunda kerana beberapa isu antaranya ialah pengumpulan data yang memerlukan penelitian seperti silang semak, data BSH dan data daripada pelbagai agensi serta jabatan berkaitan.

Kementerian juga perlu membuat kajian yang teliti dan libat urus dengan pemegang taruh, syarikat pembekal petrol, syarikat kewangan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan kepenggunaan.

Paling penting adalah memastikan subsidi bersasar tidak tersasar atau disalahgunakan. Ini kerana subsidi yang sepatutnya dinikmati oleh golongan sasar, tidak sepenuhnya diterima oleh golongan tersebut.

Apabila program itu dilaksanakan, harga RON95 akan diapungkan secara gradual bagi membantu mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Rakyat menaruh harapan tinggi untuk melihat kos sara hidup dapat ditangani dengan efisien bagi menjamin kebajikan dan kualiti hidup, bertepatan dengan sasaran membantu golongan berpendapatan rendah B40.

Sudah tentu, rakyat berharap subsidi bersasar ini tidak hanya kepada golongan B40 tetapi turut menimbangkan golongan M40 yang turut terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.